

Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Program Transformasi 2025 (TS25) Daerah Samarahan

Aina Maryam Rusli, Noraini Omar, Nur Husna Fatimah Nor Azlan, Anis Syarmila Abdul Jamil, Khairun Nurshafika Aida Ahmad Khair, Nurul Hannan Muhammad Shamsudin dan Nur Rafeah Hasbol

Abstrak – Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mempertingkatkan amalan terbaik pengajaran guru serta memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka. Bukan itu sahaja, amalan kolaboratif KPP juga menyelesaikan permasalahan pembelajaran murid dan mewujudkan sekolah yang berkesan. Namun masih lagi terdapat segelintir warga sekolah yang tidak memahami sepenuhnya kepentingan KPP dan pelaksanaan yang sebenarnya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan KPP, meneliti faktor pemilihan strategi KPP serta menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi dalam kalangan GPI di sekolah TS25 daerah Samarahan. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes dan melibatkan tiga orang guru pendidikan islam sekitar Samarahan, yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Data dikumpul daripada analisis temu bual berstruktur sebagai data utama, di samping menggunakan analisis dokumen sebagai data sokongan. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan KPP ini boleh berlaku secara formal dan tidak formal dengan menggunakan pelbagai strategi dan alat kolaboratif KPP seperti Kumpulan Belajar, Rakan Kritikal, Analisis Data, Bimbingan Rakan Kerja dan Sesi Perkongsian Guru. Seterusnya, pemilihan strategi KPP tersebut adalah kerana menjimatkan masa, dapat mempelbagaikan idea penyelesaian, membina peluang pembangunan profesionalisme guru dan merupakan contoh amalan terbaik sekolah lain. Manakala isu dan cabaran dalam pelaksanaan KPP ini disebabkan kurangnya penguasaan ilmu dan kemahiran dalam kalangan guru, bebanan tugas sampingan, kekurangan kemudahan infrastruktur dan kurang sokongan daripada pentadbir. Adalah diharapkan kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan awal oleh guru pendidikan islam dalam merangka dan merancang pelaksanaan KPP dengan baik di samping mengambil kira isu dan cabaran yang dihadapi.

Kata Kunci – amalan komuniti pembelajaran profesional, sekolah transformasi 2025, amalan kolaboratif, guru pendidikan islam.

I. PENGENALAN

Sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan hasrat dalam mendokong usaha transformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh. Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)

Aina Maryam Rusli, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak (Email: g-p19313831@moe-dl.edu.my)

merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah mentransformasikan sistem pendidikan untuk meningkatkan kemenjadian murid dan guru yang berkualiti. Lantaran itu, program Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) atau dikenali sebagai Professional Learning Community (PLC) adalah guru belajar cara mengajar secara konsisten dan berterusan dalam sesebuah komuniti secara terancang. Hal ini juga telah memberi peluang kepada sekumpulan guru berkongsi pengalaman dan kepakaran secara profesional untuk menambahkan kemahiran pengajaran dalam usaha (Amin Senin, 2018). Oleh sebab itu, kajian kes ini akan meneroka bagaimana guru khususnya guru Pendidikan Islam menjalankan pendekatan KPP di sekolah yang melaksanakan Program Transformasi Sekolah (TS25).

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka amalan komuniti pembelajaran profesional (KPP) yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam di Sekolah yang melaksanakan Program Transformasi 2025 (TS25) daerah Samarahan.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Meneroka pelaksanaan KPP dalam kalangan GPI di sekolah TS25 daerah Samarahan.
2. Meneliti faktor pemilihan strategi oleh GPI dalam melaksanakan KPP di sekolah TS25.
3. Menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan KPP.

II. PERNYATAAN MASALAH

Menurut Zanaton et al. (2021), amalan perkongsian secara kolaboratif akan dapat mengubah budaya guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun begitu, masih lagi terdapat guru yang kurang memurnikan amalan kolaboratif bagi meningkatkan kualiti sendiri. Berdasarkan dapatan Dima Mazlina dan Abdul Rashid (2016), bahawa ada guru lebih selesa menyediakan dan merancang pengajaran secara bersendirian. Salah satu faktor yang boleh diketengahkan adalah kerana mereka malu dan kurangnya pengetahuan tentang amalan perkongsian ilmu dan menyemak bahan pengajaran yang dihasilkan. Pernyataan ini disokong oleh Muhammad Faizal et al. (2012), yang bersetuju bahawa jika sesi pertukaran idea secara profesional antara guru dilaksanakan secara berasingan, pembelajaran guru akan tersasar dan tidak menyeluruh.

Melalui dapatan Dima Mazlina dan Abdul Rashid (2016), telah menyatakan bahawa program KPP yang dicadangkan oleh KPM hanya memberi fokus kepada mata pelajaran kritikal sahaja seperti Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Sains dan bukanlah khusus kepada mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini membuktikan bahawa kurangnya kemahiran pengurusan strategik bagi panitia Pendidikan Islam di sesebuah sekolah. Selain itu, dapatan Chong Chee K. et al. (2018) mendapati salah satu cabaran amalan KPP di sekolah adalah kerana tekanan tugas seorang guru untuk menguruskan program di sekolah. Kepimpinan yang autokratik kadang kala memberikan tekanan kepada guru untuk melaksanakan amalan KPP.

Kekurangan kemudahan di sekolah untuk mengendalikan mesyuarat juga cabaran yang disenarai dalam perbincangan kajian Grace et al. (2021). Terdapat sekolah yang kurang prasarananya telah menjadikan beberapa bangunan seperti dewan sekolah sebagai bilik darjah kerana ruang pembelajaran yang tidak mencukupi. Pernyataan ini disokong dengan dapatan kajian Mutindi (2022), yang menyatakan bahawa kebanyakan guru kecewa kerana kekurangan dana dalam menjayakan apa-apa program yang hendak dilaksanakan di sekolah. Oleh itu, permasalahan yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah berkenaan pelaksanaan amalan KPP oleh GPI di sekolah TS25.

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1. Kerangka Konseptual diadaptasi daripada Noraini (2015).

Input bagi kajian ini ialah guru pendidikan Islam yang telah mengajar di sekolah yang melaksanakan Program TS25. Bagi proses pula, kajian ini akan melihat dari segi pelaksanaan amalan strategi KPP dalam kalangan guru bermula dari perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Akhirnya kajian ini akan menghasilkan output iaitu Pola Amalan KPP yang dilaksanakan oleh GPI.

Skop Kajian Dan Batasan Kajian

Kajian ini akan meneroka amalan KPP dalam kalangan GPI di sekolah TS25. Kajian ini memfokuskan kepada kajian berbentuk kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes melalui kaedah pengumpulan data dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai data utama, di samping menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen sebagai data sokongan. Kajian ini akan dilaksanakan selama 3 bulan yang akan melibatkan tiga orang guru dari tiga buah sekolah rendah TS25 sekitar daerah Kota Samarahan, Sarawak. Seterusnya, GPI yang akan dipilih mestilah memiliki pengalaman mengajar lebih daripada 3 tahun di sekolah TS25 tersebut.

III. TINJAUAN LITERATUR

Model Pembelajaran Profesional Hord (1997)


Dalam kajian ini, model Pembelajaran Profesional Hord (1997) telah digunakan. Model ini adalah salah satu model yang paling popular dan paling terkini dalam kalangan penyelidik yang mengukur amalan KPP. Terdapat lima dimensi yang diperkenalkan oleh Hord secara menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek. Pertama adalah perkongsian nilai dan visi bersama untuk mengekalkan budaya pembelajaran dalam kalangan pemimpin, guru dan fokus utamanya adalah pelajar itu sendiri (Reichstetter, 2006). Kedua, perkongsian dan sokongan kepimpinan mempunyai pengaruh yang kuat dan positif kepada guru untuk berkongsi idea dalam mencapai visi dan misi sekolah. Ketiga, pembelajaran secara kolektif membenarkan pengetahuan baharu sekaligus berlaku pengaplikasian pembelajaran di dalam bilik darjah. Keempat, perkongsian amalan terbaik berdasarkan pengalaman guru dapat menggalakkan amalan kolaboratif. Akhir sekali, hubungan baik serta struktur sekolah juga membantu pelaksanaan KPP secara maksimum.



Rajah 2. Model Pembelajaran Profesional Hord (1997).

Model Penilaian CIPP Stufflebeam (1983)

Selain itu, Model Penilaian Konteks, Input, Proses, dan Program model produk (CIPP) oleh Stufflebeam (1983) juga digunakan dalam kajian ini. Model ini ialah aktiviti yang mengumpul maklumat tentang proses kerja sesuatu amalan atau program. Ia digunakan untuk menentukan alternatif yang tepat dalam membuat keputusan (Ambiyar & D., 2019). Penekanan Model Penilaian CIPP ini adalah untuk mengumpul dan mentafsir maklumat amalan KPP yang digunakan guru bagi menyediakan keputusan dan penyelesaian alternatif yang terbaik bagi amalan KPP untuk subjek Pendidikan Islam. Perkara yang perlu dinilai termasuk konteks, input, proses dan produk. Oleh itu, model ini sesuai untuk melihat perancangan, pelaksanaan dan penilaian amalan KPP bagi GPI di daerah Samarahan.



Rajah 3. Model Penilaian (CIPP) Stufflebeam (1983).

Dapatan Kajian Lalu

Tingkatkan Efikasi Kendiri dan Keyakinan Diri

Dalam pelaksanaan kajian kes ini, terdapat beberapa dapatan kajian lalu yang relevan dengan amalan KPP yang dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah. Antara kajian berkenaan amalan KPP ialah mengenai hubungan yang signifikan di antara amalan KPP dengan efikasi sekolah rendah (Victor, 2018) dimana dapatan kajian menunjukkan guru yang melaksanakan amalan KPP didapati mempunyai efikasi sendiri dan keyakinan diri yang lebih tinggi. Oleh itu, amalan profesionalisme yang tinggi dalam kalangan guru memberi impak yang positif kepada kualiti guru di bilik darjah sekaligus membawa kepada peningkatan kualiti pembelajaran murid.

Membantu Kelancaran Amalan KPP Guru

Selain itu, terdapat juga kajian daripada Yee Bee Choo (2019) mengenai penggunaan amalan KPP dalam perubahan sikap guru melalui program TS25. Hasil kajian mendapati program TS25 telah membantu lagi kelancaran amalan KPP. Misalnya, guru akan saling berpesan antara satu sama lain bagi menyampaikan objektif pembelajaran sebelum memulakan kelas. Hal ini dapat, membantu guru meningkatkan fokus kepada pembelajaran murid, di samping murid jelas dan tahu apa yang sepatutnya mereka pelajari setiap hari. Ini dapat meningkatkan lagi matlamat utama dalam model KPP The Three Big Idea oleh Dufour (2004) iaitu pelaksanaan KPP yang berfokuskan kepada pembelajaran dan pencapaian murid.

Meningkatkan Pengetahuan Guru dan Kreativiti Pengajaran

Selain itu, kajian daripada Zamri et al., (2020) turut meneroka keberkesanan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam. Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa kepentingan KPP dapat meningkatkan pengetahuan guru dan kreativiti pengajaran dalam menyesuaikan kaedah atau strategi yang berbeza dalam topik yang akan diajar, terutamanya dalam penggunaan kaedah dan perancangan pengajaran subjek Pendidikan Islam yang menarik minat murid. Dengan kata lain, kejayaan guru dalam menyampaikan ilmu mengikut

tahap kognitif dan kepelbagaian pelajar akan mempengaruhi pemahaman pembelajaran mereka. Ini menunjukkan pelaksanaan KPP dapat membantu guru dalam mencari cara terbaik dalam pengajaran dan seterusnya menyebabkan penambahbaikan dalam amalan pengajaran mereka.

Membangunkan Keyakinan Diri dan Motivasi

Seterusnya, dapatan kajian Grace et al., (2021) daripada negara Botswana turut membincangkan mengenai penggunaan KPP yang menawarkan peluang kepada guru untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran mereka melalui budaya kolaboratif. Dimana, amalan KPP akan membangunkan keyakinan diri dan motivasi dalam kalangan guru ketika berkongsi pendapat tentang amalan bilik darjah mereka. Dalam kajian tersebut penyelidik mendapati bahawa guru dapat berkomunikasi antara satu sama lain tentang kekuatan dan kelemahan pengajaran semasa mesyuarat. Hal ini kerana, perkongsian pengalaman orang lain akan dapat ditambahbaik dan diteladani sekaligus mereka akan mengaplikasikan ilmu baharu tersebut dalam pengajaran mereka.

Sokongan Pentadbir

Kajian Bernard Wijaya dan Budi Wibawanta (2022) daripada negara Indonesia juga telah membincangkan tentang keberhasilan yang maksimum bagi program KPP perlu bermula dengan motivasi dan semangat pihak pentadbir di sekolah. Hasil kajian mendapati pentadbir di sekolah telah mewajibkan semua guru mempunyai profesionalisme yang tinggi dan mempunyai kebolehan untuk berkolaborasi sebelum memulakan program KPP ini. Selaras dengan kajian Wan dan Yan (2020), peranan pemimpin adalah penting dalam kejayaan KPP dalam sesebuah institusi. Hal ini kerana dorongan motivasi KPP adalah pemimpin itu sendiri. Jika pemimpin tidak bermotivasi dan tidak bekerjasama, kesan pengamalan KPP adalah tidak memuaskan.

Maka, berdasarkan dapatan kajian lalu, jelaslah bahawa amalan KPP dalam organisasi di sekolah sangat penting dalam mewujudkan kesan yang sangat besar dalam meningkatkan efikasi dan profesionalisme guru melalui kemahiran kolaborasi dan perkongsian amalan bilik darjah mereka. Dalam masa yang sama, pihak atasan dan guru juga perlu mengetahui amalan KPP di sekolah ini akan meningkatkan pencapaian pelajar serta prestasi sekolah itu sendiri. Oleh sebab itu, kajian kes ini akan meneroka amalan KPP dalam kalangan guru pendidikan islam untuk melihat bagaimana peserta kajian dapat menerapkan amalan KPP di sekolah yang melaksanakan program TS25. Dalam masa yang sama, kajian yang meneroka amalan KPP dalam kalangan GPI adalah kurang dan tidak banyak dibincangkan.

IV. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dilaksanakan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data utama dikutip daripada tiga orang Guru Pendidikan Islam menggunakan pensampelan bertujuan (purposive sampling). Menurut Merriam (1998), kajian kualitatif tidak menetapkan

bilangan peserta dalam satu kajian, namun jika peserta kajian mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki adalah mencukupi bagi memperoleh maklumat dengan lebih mendalam. Kajian ini seterusnya menggunakan pengkaji sebagai instrumen utama manakala kaedah pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, kaedah pemerhatian, dan analisis dokumen.

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini ditentukan menggunakan triangulasi pelbagai kaedah pengumpulan data iaitu data temu bual, data pemerhatian, analisis dokumen dan nota lapangan. Seterusnya, pengakuan, pembetulan teks dan pengesahan peserta kajian terhadap data temu bual menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini tinggi. pengkaji telah mentranskripsikan data temu bual dengan kadar segera dan telah membuat satu salinan baharu untuk membuat 'member-checking' bersama peserta kajian. Kemudian barulah mereka menandatangani borang pengesahan teks transkripsi yang disediakan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga membuat penilaian dalam menentukan tema dapatan kajian melalui cohen kappa. Menurut Kamarul Azmi (2012), semakin tinggi tahap persetujuan pakar terhadap tema semakin tinggi kebolehpercayaan data kajian. indeks kebolehpercayaan Cohen Kap bagi kajian ini berada pada tahap sangat baik iatu dengan nilai koefisienan 1.00. Maka tema yang ditetapkan oleh pengkaji itu relevan dan sesuai dengan pemilihan tajuk.

JADUAL I: SKALA PERSETUJUAN COHEN KAPPA

Skala Persetujuan	Nilai Cohen Kappa
Sangat Baik	0.81-1.00
Baik	0.61-0.80
Sederhana	0.41-0.60
Sederhana Lemah	0.21-0.40
Lemah	0.00-0.20

Sumber: Landis dan Koch (1977)

Pendekatan analisis kandungan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini dan diproses serta dianalisis menggunakan perisian Atlas ti 9.1.13 bagi memudahkan pengkaji mengurus dan melihat triangulasi antara kaedah pengumpulan data, sumber data seterusnya membuat rumusan.

V. DAPATAN KAJIAN

Pelaksanaan KPP Dalam Kalangan GPI Di Sekolah TS25 Daerah Samarahan

Pelaksanaan KPP Secara Formal

JADUAL II: POLA TABURAN PELAKSANAAN KPP SECARA FORMAL

Bil	Tema	P1	P2	P3
1.	Kumpulan Belajar	X	X	X
2.	Analisis Data	X	X	X
	Jumlah	2	2	2

Dapatan telah menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian, telah bersetuju bahawa pelaksanaan KPP secara formal ini memerlukan kepada laporan khas dan mesyuarat

yang telah ditetapkan mengikut jadual. Berdasarkan pola taburan diatas, kumpulan belajar merupakan salah satu strategi yang digunakan oleh ketiga-tiga peserta kajian dalam pelaksanaan KPP di sekolah kerana banyak pedagogi terkini yang telah diperkenalkan oleh KPM. Selain itu, pengkaji juga mendapati strategi analisis data dilaksanakan oleh ketiga-tiga peserta kajian kerana ingin melihat kepada aspek pencapaian seperti kemenjadian murid, profesionalisme guru dan kualiti sekolah. Hal ini disokong dalam kajian Maimun Aqsha Lubis (2022), analisis data ini penting bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa seterusnya menjalankan tindakan susulan yang sewajarnya. Ini dibuktikan melalui petikan berikut:

“...*kalau secara formal ini kami akan buat laporan*”.

(TB1/PK1/17.08.2023)

Bengkel Pembelajaran Pendekatan Bertema telah dilaksanakan di Sk Ibnu Khaldun dan dihadiri oleh semua ahli panitia pendidikan islam. (AD1/PK1/20.06.2023)

Semua warga Sk Michael Entingan telah menjalani Bengkel menulis RPH selaras dengan panduan Sekolah Amanah. (AD1/PK2/15.06.2023)

Kumpulan Belajar

Berdasarkan dapatan, kumpulan belajar merupakan salah satu strategi yang wajib dilaksanakan di sekolah kerana banyak pedagogi terkini yang telah diperkenalkan oleh KPM. Maka banyak bengkel serta kursus yang perlu dihadiri oleh guru-guru di sekolah. Dapatan ini disokong melalui analisis laporan KPP yang diberikan oleh Ustazah PK1 dan Ustazah PK2.

Bengkel Pembelajaran Pendekatan Bertema telah dilaksanakan di Sk Ibnu Khaldun dan dihadiri oleh semua ahli panitia pendidikan islam. (AD1/PK1/20.06.2023)

Semua warga Sk Michael Entingan telah menjalani Bengkel menulis RPH selaras dengan panduan Sekolah Amanah. (AD1/PK2/15.06.2023)

Berdasarkan temu bual PK1, perancangan awal untuk kumpulan belajar ini adalah dengan membentuk satu kumpulan dan tentukan sesi perjumpaan ahli kumpulan serta maklumkan awal tentang tempat, tarikh dan masa. Hal ini disokong oleh PK 2 yang menyatakan guru perlulah membentuk kumpulan kecil mengikut ahli panitia. Kemudian tentukan konteks atau input yang ingin dikongsikan iaitu kenal pasti dan tetapkan isu yang difokuskan. Ketua atau Middle Leader Team akan bertanggungjawab dalam menentukan tajuk. Dapatan ini dibuktikan melalui petikan di berikut:

“...*maklum terlebih dahulu kepada ahli. Biasanya ikut ahli panitia.....tetap tajuk PLC...tetapkan tempat, tarikh, masa...ketua akan utarakan persoalan dan isu pada waktu tersebut lah*”.

(TB1/PK1/17.08.2023)

“...**tetapkan masa untuk buat bengkel cara nak guna Google meet**”
(TB1/PK2/18.09.2023)

“...**kiranya kumpul semua guru lepas tu, guru akan duduk dalam kumpulan kecil-kecil ikut Panitia**”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

“...**mulakan Middle Leader akan bagi tajuk untuk PLC minggu tu**”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

Pada peringkat pelaksanaan, kita akan melihat proses bagaimana guru-guru menerima dan belajar input baharu. Berdasarkan temu bual PK 1 pada peringkat ini ada pembentangan hasil dapatan mengenai perkara yang dibincangkan. Melalui analisis temu bual, pengkaji telah mendapati bahawa kumpulan belajar ini memerlukan sesi soal jawab serta maklum balas daripada guru-guru. Hal ini kerana, daripada perbincangan tersebut barulah berlaku penerimaan input yang ingin disampaikan. Kemudian berlakulah rumusan dapatan secara kolektif iaitu semua ahli panitia akan membuat rumusan apa yang sudah dipelajari. Di sini kita dapat boleh lihat guru-guru sudah menerima input kerana mereka mampu menganalisis maklumat yang diterima. Ini dibuktikan melalui petikan berikut:

“...**kita kumpul idea dari ahli lain dan buat rumusan bersama-sama. Selepas itu, baru kita analisis maklumat tu dan berbincang**”.
(TB1/PK1/17.08.2023)

“...**lepas tu kita akan share kepada panitia lain**”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

“...**kiranya semua panitia berkongsilah atau buat perkongsianlah**”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

Dalam proses yang terakhir iaitu proses penilaian, kita akan fokuskan kepada hasil kumpulan belajar tersebut. Hasilnya guru dapat menerima input serta dapat mengimplementasikan amalan terbaik itu semasa pengajaran. Penilaian itu selalunya dibuat selepas pelaksanaan KPP dan haruslah dipantau oleh ketua atau middle leader team. Mereka akan sentiasa memastikan semua guru telah melibatkan diri dan mencari kelemahan yang muncul supaya dapat ditambah baik dan diambil tindakan. Hal ini dibuktikan melalui petikan temu bual di berikut:

“...**ahli akan ambil yang terbaiklah daripada sesi perkongsian tu. Jadi mereka akan laksanakan terus dan jadikan amalan**”
(TB1/PK2/18.09.2023)

“...**jadi input tentang PBD tu telah dilaksanakan oleh cikgu di kelas dan semua kena selaras dari segi pelaksanaanya**”
(TB2/PK1/23.08.2023)

Analisis Data

Strategi analisis data adalah proses meneliti, menyusun, mengkategorikan dan mempamerkan data untuk menghasilkan maklumat yang bermakna dan membuat rumusan. Dapatan telah menunjukkan kebanyakan sekolah

telah menjalankan strategi analisis data. Lebih-lebih lagi dalam meningkatkan prestasi sekolah. Menurut Maimun Aqsha Lubis (2022), analisis data ini penting bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa seterusnya menjalankan tindakan susulan yang sewajarnya. Menurut temu bual PK 3, analisis data banyak melibatkan pentadbir dan ketua panitia. Disebabkan itu, postmortem akan dilaksanakan selepas program demi meningkatkan prestasi sekolah secara keseluruhan. Bukan itu sahaja, beliau juga menyatakan strategi analisis data ini juga boleh dilaksanakan bersama komuniti dan masyarakat luar. Sebagai contoh, perhimpunan PIBG telah memberi banyak solusi bagi menyelesaikan masalah serta isu sekolah dan murid. Hal ini dibuktikan melalui petikan di bawah:

“...**melibatkan pentadbir sahaja. Ada yang ikut duduk dalam panitia berbincanglah. Contoh dia nak buat analisis kepada subjek dia. Jadi dia duduk bersama panitia berbincang macam postmortem**”.
(TB1/PK3/6.10.2023)

“...**peringkat PIBG kita panggil jawatankuasa PIBG untuk kita bersama-sama analisis**”
(TB1/PK3/6.10.2023)

Bermula dengan perancangan strategi analisis data ini, guru perlu menetapkan konteks dan input untuk dibincangkan. Berdasarkan dapatan temu bual PK 3 telah menyatakan perancangan awal haruslah ada data yang hendak dianalisis. Selain itu, pemilihan alat statistik yang sesuai diperlukan untuk menganalisis data dan guru perlu membuat persembahan data mentah dalam bentuk grafik supaya memudahkan analisis data tersebut. Berdasarkan kes PK 3, pentadbir telah memilih google form dalam mengutip dan mempersempah data bagi melihat kualiti kerja panitia. Hal ini juga disokong oleh PK 2 yang menyatakan sekolah beliau telah melaksanakan strategi analisis data untuk melihat pentaksiran bilik darjah murid. Hal ini kerana pentadbir ingin mendengar proses moderasi daripada pencapaian murid tersebut. Dapatan ini dibuktikan melalui petikan berikut:

“...**contoh kita nak analisis ketua panitia atau MLT (Middle Leader Team), saya akan buat google form dan diorang akan isi penilaian sendiri**”
(TB1/PK3/6.10.2023)

“...**kami ada buat PLC berdasarkan analisis data yang ada. Contoh tentang PBD tu, kami akan buat moderasi. Biasa kami akan buat moderasilah melalui data-data tu**”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

Dapatan telah menunjukkan proses menganalisis data mentah dan menafsirkan hasil dapatan ada pada peringkat pelaksanaan. Menurut PK 3, pentadbir atau guru akan berbincang bersama-sama tentang faktor dan kesan yang mungkin akan berlaku. Melalui perbincangan tersebut barulah berlakunya perancangan dalam melaksanakan intervensi. Menurut PK 3 lagi, pada akhir pelaksanaan KPP, guru melaksanakan intervensi kepada murid secara bertumpu seperti sesi bimbingan dan pementoran bagi membantu murid dalam meningkatkan prestasi mereka. Hal ini disokong dalam kajian Norisin Mohammad (2021),

program intervensi amat penting bagi meningkatkan pencapaian warga sekolah secara kolektif. Maka, amatlah penting bagi guru melaksanakan intervensi kepada setiap masalah yang muncul. Hal ini dibuktikan melalui petikan temu bual berikut:

“...ada yang **analisis melalui perbincangan**, ada yang kita buat **analisis melalui pemerhatian**”. (TB1/PK3/6.10.2023)

“...masa dia **berbincang-bincang** tu sudah berlakulah **PLC**”. (TB1/PK3/6.10.2023)

“...dia **analisis pencapaian** murid tak okey. **Bincang-bincang** dia nak buat **intervensi lah untuk murid**” (TB1/PK3/6.10.2023)

“...jadi daripada penafsiran data-data tu semua nanti kita akan **buat sesi bimbingan dan pementoran**” (TB1/PK3/6.10.2023)

Akhir sekali, barulah berlakunya penilaian. Melalui dapatan temu bual PK 3 analisis data ini sangatlah membawa impak yang baik kepada keseluruhan sekolah. Kita dapat lihat hasil dari aspek pencapaian seperti kemenjadian murid, profesionalisme guru dan kualiti sekolah. Dapatan ini disokong berdasarkan analisis dokumen PK 3, yang menunjukkan amalan analisis data dan soal selidik ini kerap dilaksanakan di sekolah SK Tambirat sehinggakan dikenali sebagai sekolah transformasi 2025. Hal ini dibuktikan melalui petikan berikut:

“...kemudian baru kita akan nampak **impak pada keseluruhan sekolah**. Kita akan nampak murid kita menjadi ke tak menjadi. Sekolah kita berkualiti ke tidak”. (TB1/PK3/6.10.2023)

Berdasarkan dokumen yang diberi oleh Ustazah Yati, terdapat **jadual dan graf status kepimpinan yang dianalisis bermula tahun 2018 hingga 2023**. (AD1/PK3/6.10.2023)

Pelaksanaan KPP Secara Tidak Formal

JADUAL III: POLA TABURAN PELAKSANAAN KPP SECARA TIDAK FORMAL

Bil	Tema	P1	P2	P3
1.	Bimbingan Rakan Sekerja	X	X	X
2.	Sesi Perkongsian	X	X	X
	Jumlah	2	2	2

Berdasarkan pola taburan diatas, pengkaji telah mendapati pelaksanaan KPP ini tidak memerlukan kepada laporan formal secara khusus dan hanya berfokuskan kepada perbincangan sahaja. Hal ini disokong melalui petikan temu bual peserta kajian yang menyatakan perbincangan yang berlaku hanya sekejap sahaja dan tidak memerlukan kepada laporan. Seterusnya, dapatan telah menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian melaksanakan KPP secara tidak formal dengan menggunakan strategi bimbingan rakan sekerja jika terdapat guru yang memerlukan bimbingan dari segi kemahiran dan sesi perkoongsian guru melalui perkongsian

digital. Dapatan ini disokong daripada kajian Amal Harun dan Norasmah Othman (2021), pelaksanaan KPP ini boleh berlaku secara dua hala tanpa mengira seniority. Hal ini membuktikan guru yang ada kepakaran dalam sesuatu bidang boleh kongsi amalan terbaik tersebut selagi mana ia bermanfaat kepada guru yang lain. Dapatan ini dibuktikan melalui petikan berikut:

“...pelaksanaan ni macam **berbincang sekejap-sekejap** macam tu tak lama **tak perlu laporan** pun nak buat benda-benda ni. (TB1/PK2/18.09.2023)

“...bimbingan rakan ni sebenarnya **more** kepada pertolongan dari segi kemahiran. Maklumlah kami cikgu-cikgu veteran ni banyak benda yang **kurang sikit mahirnya, contohnya macam ICT**”. (TB2/PK1/23.08.2023)

“...kami ada **satu group telegram** untuk memang share bahan-bahan yang boleh digunakan untuk semua ahli panitia. (TB1/PK2/18.09.2023)

Bimbingan Rakan Sekerja

Bimbingan rakan sekerja merupakan salah satu strategi yang dilaksanakan antara dua orang atau lebih guru dalam merancang, melaksanakan dan menilai Pdp semula. Menurut Zanaton H Iksan (2021), melalui kolaboratif ini telah berlakunya perkongsian kepakaran dengan tujuan untuk melakukan proses coaching iaitu ada bimbingan yang diberikan oleh seorang guru pakar sebagai pembimbing kepada guru lain. Bimbingan ini boleh dilaksanakan secara tidak formal selagi ada perbuatan berkongsi kepakaran, memberikan maklum balas serta sokongan dan bantuan antara satu sama lain. Berdasarkan temu bual PK 1, apabila terdapat isu atau masalah barulah berlakunya bimbingan rakan sekerja ini secara tidak formal. Tambahan lagi, beliau ada menyatakan bimbingan akan berlaku apabila ada yang memerlukan bimbingan dari segi kemahiran. Contohnya, guru veteran akan meminta tolong dalam mengendalikan sesuatu dalam digital. Hal ini disokong oleh Ustazah Ida yang menyatakan kepakaran guru yang berbeza menyebabkan guru bantu membantu melalui bimbingan rakan sekerja. Perkongsian kepakaran ini sekaligus telah meningkatkan profesionalisme mereka secara holistik. Hal ini dibuktikan melalui petikan temu bual berikut:

“...bimbingan rakan ni kami buat secara **tidak formal**. **Kalau ada masa free** ke atau **ada isu**, baru kita bincang dan bimbing cikgu tersebut”. (TB2/PK1/23.08.2023)

“...bimbingan rakan ni sebenarnya **more** kepada pertolongan dari segi kemahiran. Maklumlah kami cikgu-cikgu veteran ni banyak benda yang **kurang sikit mahirnya, contohnya macam ICT**”. (TB2/PK1/23.08.2023)

“...dia **mahir dalam bidang pedagogi**, mungkin yang lain mahir dalam **BBM** ada yang **mahir dalam kawalan kelas**...bimbinglah rakan-rakan yang tak mahir tadi” (TB1/PK2/18.09.2023)

“...guru boleh **belajar daripada pengalaman rakan-rakan yang lebih baik dari dia**”. (TB2/PK1/23.08.2023)

Berdasarkan temu bual PK 3, perancangan awal untuk kumpulan belajar ini perlu bentukkan satu pasukan yang terdiri daripada seorang mentor (coach) sebagai pembimbing dan dua atau tiga orang mentee (coachee). Seterusnya, semasa bimbingan perlu ada isu yang ingin difokuskan serta objektif yang perlu dicapai selepas sesi bimbingan berlaku. Dapatan telah menemui melalui temu bual PK 3, bimbingan ringkas yang dilakukan adalah berkisarkan tentang isu murid tahap satu yang belum mahir dalam membaca al-quran maka, mereka telah berbincang untuk membuat inisiatif bagi menyelesaikan masalah tersebut.

“...saya buat dengan Ustazah Azura...kita nak cungkulkan kepada orang yang kita nak **bimbing tu iatu coachee (mentee) tu lah**”. (TB1/PK3/6.10.2023)

“Murid tahap 1 masih ramai yang **belum mahir membaca al-quran berdasarkan TOV 2021 pengurangan sebanyak 50% murid yang belum menguasai**”. (TB1/PK3/6.10.2023)

“...**kita buat dulu unjuran. Untuk tahap 1 sasaran murid yang harus lepas membaca al-quran perlu 19 orang macam tu contoh dia**”. (TB1/PK3/6.10.2023)

Selanjutnya, dapatan telah menunjukkan proses pelaksanaan bagi bimbingan ini terdapat perbincangan antara guru-guru tersebut dalam menyelesaikan masalah yang muncul. Sekaligus berlakunya penambahbaikan cadangan atau maklum balas yang diberikan kepada siapa yang membimbing tersebut. Melalui dapatan temu bual Ustazah Ida, telah menyatakan guru-guru akan berbincang dan mencari cara penyelesaian yang terbaik. Maklum balas daripada pembimbing amat penting bagi penambahbaikan cadangan yang telah diutarakan. Hal ini disokong dengan kajian Majelan Sulong dan Rusli Ahmad (2020), bahawa amalan maklum balas ini mampu mewujudkan kepercayaan, meningkatkan motivasi individu, memupuk kreativiti dan mewujudkan kesinambungan kejayaan organisasi. Bertepatan dengan dapatan temu bual PK 3 yang menyatakan melalui bimbingan tadi, guru yang dibimbing dapat mengeluarkan inisiatif sendiri dalam menyelesaikan isu murid tidak pandai membaca al-quran dengan bantuan pembimbing.

“...**berbincang apakah cara yang paling sesuai untuk menyelesaikan sesuatu isu**”. (TB1/PK2/18.09.2023)

“...**dia nak buat inisiatif bekerjasama dengan KAFA untuk mantapkan pencapaian Al-Quran**”. (TB1/PK3/6.10.2023)

Akhir sekali, pada peringkat penilaian kita boleh lihat hasil peningkatan daripada bimbingan tersebut. Tidak kira hasil daripada peningkatan kemahiran guru yang telah dibimbing ataupun peningkatan prestasi murid-murid. Berdasarkan analisis dokumen daripada PK 2, bimbingan guru telah meningkatkan kemahiran guru dalam menulis

RPH dengan betul serta pengajaran yang lebih berkualiti. Manakala berdasarkan analisis dokumen PK 3, program mengaji yang dilaksanakan setiap petang dengan guru KAFA telah membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran membaca al-quran. Hal ini dibuktikan melalui petikan berikut:

Penulisan RPH yang lama sangat panjang dan hanya fokus pada objektif pembelajaran. Namun selepas bimbingan, penulisan RPH lebih lebih berkualiti dengan menumpukan tindakan susulan untuk pengukuhan tajuk pembelajaran. (AD4/PK2/4.10.2023)

Laporan pencapaian keseluruhan murid tahap satu dalam menguasai bidang al-quran pada tahun 2022 telah meningkat daripada 50% kepada 64.08% selepas membuat program Jom Ngaji. (AD3/PK3/31.05.2023)

Sesi Perkongsian Guru

Sesi perkongsian guru ini boleh dikatakan sama sahaja dengan bimbingan guru, namun ia lebih bertumpu kepada perkongsian ilmu pengetahuan dan amalan terbaik pedagogi dalam kalangan guru. Berdasarkan kajian Amal Harun dan Norasmah Othman (2021), sesi perkongsian ini boleh berlaku secara dua hala tanpa mengira seniority. Hal ini membuktikan guru yang ada kepakaran dalam sesuatu bidang boleh kongsi amalan terbaik tersebut selagi mana ia bermanfaat kepada guru yang lain. Berdasarkan peserta kajian, sesi perkongsian guru ini banyak dilaksanakan secara perbualan dan perkongsian melalui digital. Hal ini dibuktikan melalui temu bual PK 1 yang menyatakan sesi perkongsian ini yang dibuat melalui perbualan dan para guru lebih selesa membuat perkongsian di telegram sesama ahli panitia. Hal ini juga disokong oleh PK 2 yang menyatakan guru-guru di sekolah beliau juga menggunakan aplikasi telegram untuk berkongsi bahan-bahan berkaitan pedagogi. Hal ini dibuktikan melalui petikan berikut:

“...**boleh dikatakan sebenarnya sesi perkongsian ni melalui percakapan je sebenarnya**”. (TB2/PK1/23.08.2023)

“...**ada dapat bahan kita share macam panitia ada group 'Telegram' kan, jadi kita kongsi dekat situlah**”. (TB1/PK1/17.08.2023)

“...**kami ada satu group telegram untuk memang share bahan-bahan yang boleh digunakan untuk semua ahli panitia**”. (TB1/PK2/18.09.2023)

Berdasarkan dapatan temu bual, perancangan awal untuk kumpulan belajar ini perlulah ada isu atau tajuk yang boleh dikongsi berkaitan Pdp. Lantaran itu, sesi perkongsian tersebut perlu melalui komunikasi yang berkesan secara kolaboratif. Menurut Katrini dan Agus Diannor (2023), komunikasi dua hala ini dapat meningkatkan pemahaman dan mengelakkan kesilapan yang sama pada masa hadapan. Oleh itu, pelaksanaannya mestilah ada sesi soal jawab untuk memantapkan ilmu yang diperolehi. Hal ini dibuktikan melalui temu bual PK 1 yang menyatakan perkongsian dilaksanakan melalui perbualan antara guru berkisarkan

tentang kaedah mudah untuk murid menghafal dalam bidang hafazan. Selain itu, dapatan temu bual PK 2 menyatakan sesi perkongsian amalan terbaik antara panitia subjek juga merupakan salah satu cara untuk menyelesaikan sesuatu isu. Hal ini digambarkan melalui petikan temu bual berikut:

“...kami sembang pasal cara hafal murid dengan baik. Kiranya ni tajuk hafazanlah. Kat sini cikgu **bagi tips-tips ringkas** kat cikgu lain”. (TB2/PK1/23.08.2023)

“...jadi mungkin isu bahasa inggeris mengalami oleh pendidikan islam jugak. Mungkin dia boleh **guna cara penyelesaian yang sama**”. (TB1/PK2/18.09.2023)

Bagi peringkat penilaian pula kita akan lihat selepas berlakunya sesi perkongsian tersebut. Guru akan melaksanakan amalan yang dikongsi dalam pengajaran mereka. Dapatan ini disokong oleh Asmawati Mohamad Ali et al., (2018), hal ini telah membantu guru dalam memperbaiki serta menambah baik pengajaran mereka agar lebih berkualiti. Berdasarkan dapatan temu bual, PK 1 mengatakan perkongsian pengalaman rakan sekerja merupakan satu cara yang terbaik untuk seseorang guru itu belajar untuk membuat penambahbaikan pada pengajaran. Hal ini telah membuktikan bahawa guru akan sentiasa berusaha dalam melakukan perubahan bagi mewujudkan pengajaran yang berkualiti. Dapatan dapat ditriangulasikan melalui analisis dokumen yang diberikan oleh PK 1 yang menunjukkan bahawa hasil daripada perkongsian kaedah penghafalan yang terbaik itu telah diguna pakai dalam Program Semarak Al-Quran yang dihadiri oleh murid-murid yang lemah dalam menghafal Al-Quran. Dapatan ini dibuktikan melalui petikan berikut:

“...dia dapat **perbaiki dan tambah baik pengajaran** dia daripada perkongsian guru”. (TB2/PK1/23.08.2023)

“...guru boleh **belajar daripada pengalaman rakan-rakan** yang lebih baik dari dia. Perkongsian tu yang bermakna sebenarnya”. (TB2/PK1/23.08.2023)

Berdasarkan laporan, Program Semarak Quran merupakan satu intervensi bagi murid yang lemah dalam menghafal. Maka dalam program tersebut terdapat cara dan kaedah yang sesuai untuk murid-murid menghafal dengan mudah. (AD3/PK1/23.08.2023)

Faktor Pemilihan Strategi KPP Dalam Kalangan GPI Di Sekolah TS25 Daerah Samarahan

JADUAL IV: POLA TABURAN FAKTOR PEMILIHAN STRATEGI DALAM MELAKSANAKAN KPP

Bil	Tema	P1	P2	P3
1.	Menjimatkan Masa	X	X	X
2.	Mempelbagaikan Idea Penyelesaian	X	X	X
3.	Peluang Pembangunan Profesionalisme	X	X	X
4.	Amalan Terbaik	-	X	X
	Jumlah	3	4	4

Menjimatkan Masa

Berdasarkan analisis tema-tema, peserta kajian menyatakan antara faktor pemilihan strategi KPP dilaksanakan secara tidak formal adalah menjimatkan masa. Didapati tekanan tugas sampingan menyebabkan guru tiada masa untuk menjalankan KPP yang sudah diatur dalam jadual. Maka ketiga-tiga peserta kajian melaksanakan perkongsian secara digital. Bukan itu sahaja, ketiga-tiga peserta kajian bersetuju bahawa tempat pelaksanaan KPP secara tidak formal ini menjimatkan masa kerana ia boleh berlaku di mana-mana sahaja. Bertepatan dengan kajian Fazlina Mohd. Sani (2023), yang mengakui bahawa amalan KPP ini boleh diamalkan secara tidak formal dalam kalangan pendidik bagi membenarkan perkongsian maklumat secara peribadi. Dapatan ini digambarkan melalui petikan temu bual berikut:

“...kita just bukak ke sistem **Digital Workspace e-SKAIS** tu dah boleh akses maklumat yang kita cari. Dia macam **guru belajar daripada perkongsian** dalam sistem tu”. (TB2/PK1/23.08.2023)

“...kiranya dalam **bilik guru dan kantin** pon boleh kita boleh buat, duduk-duduk makan itu pon kami nak anggap sebagai PLC”. (TB1/PK2/18.09.2023)

Mempelbagaikan Idea Penyelesaian

Selain itu, dapatan temu bual ketiga-tiga peserta kajian telah menyatakan pelaksanaan KPP secara formal ini akan berlakunya sesi soal jawab serta dapat bertukar pendapat yang dapat membuahkan idea penyelesaian yang pelbagai. Hal ini kerana ia telah mewajibkan keterlibatan semua ahli panitia untuk bersuara bagi berkongsi ilmu dan kepakaran. Seterusnya, strategi KPP dengan menggunakan alat kolaboratif analisis data ini dapat meningkatkan penglibatan ibu bapa dapat memperoleh pelbagai idea penyelesaian, di samping dapat meringankan beban tugas guru. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Soh Teck Chau (2023), bahawa objektif TS25 perlu dijayakan melalui sokongan ibu bapa dan komuniti luar disamping mendapat sokongan guru dan dan pemimpin yang berkualiti. Hal ini dibuktikan melalui petikan temu bual berikut:

“...sebab nanti output daripada PLC tu nanti **kita akan jumpa idea baharu**. Nanti apa yang dibincang panitia subjek tidak akan sama dengan panitia lain. Hal ni akan **banyak idea lain-lain** atau cara penyelesaian yang terbaikkah kiranya”. (TB1/PK3/6.10.2023)

“...kami **menggunakan kemahiran ibu bapa** tu membantu sekolah. Contohnya ibu bapa tu pandai menari jadi kami akan ambil dan dibawa ke sekolah untuk membantu murid menari. Kiranya macam jurulatih”. (TB1/PK2/18.09.2023)

Peluang Pembangunan Profesionalisme

Seterusnya, Pengkaji telah mendapati ketiga-tiga peserta kajian telah bersetuju bahawa strategi bimbingan rakan telah memberi peluang dalam pembangunan profesionalisme guru. Hal ini menunjukkan bahawa guru

telah mengasahkan sifat kepimpinan melalui amalan mentor mentee. Bertepatan dengan pernyataan Hatnin Duari (2022), persekitaran bekerjasama dalam kalangan guru dapat meningkatkan profesionalisme kerana mereka berkongsi intelektual masing-masing untuk kemajuan pembangunan sendiri. Hal ini dibuktikan melalui petikan temu bual berikut:

“...jadi dari situ kami buat **bimbingan ringkas** sahaja dengan rakan-rakan sekerja. Kita yang pengajar ni akan beri tunjur ajar dekat guru yang mintak tolong tu”
(TB2/PK1/23.08.2023)

“...kiranya kat sini **cikgu berkongsi ilmu dan kepakaranlah** dalam menyelesaikan masalah”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

Amalan Terbaik

Menurut Joohari Ariffin (2018), sekolah yang cemerlang sentiasa menjadi rujukan sekolah lain kerana mereka mampu membantu dalam penambahbaikan sekolah dan seterusnya memberi kesan positif terhadap pembelajaran kualiti murid. Hal ini bertepatan dengan dapatan faktor pemilihan strategi kumpulan belajar adalah disebabkan untuk mempelajari dan memahami amalan sekolah-sekolah lain. Kecemerlangan sekolah telah menyebabkan sekolah lain bermotivasi dan beraspirasi untuk menuju kepada jalan kejayaan yang sama. Hal ini juga akan menyebabkan sesebuah sekolah akan sentiasa bersaing dengan sihat demi mencapai wawasan TS25 iaitu sekolah yang berkualiti Hal ini disokong melalui petikan temu bual peserta kajian kedua:

“...kiranya amalan terbaik di sekolah-sekolah lain akan sering diamal **selagi sesuai diamalkan** mengikut kemampuan sekolah”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

“...tu kan kita akan tahu amalan terbaik sekolah lain jadi kita **dapat mempelajari** apa yang sekolah kami tiada tapi di sekolah itu ada”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

Isu Dan Cabaran Yang Dihadapi Oleh GPI Di Sekolah TS25 Daerah Samarahan Semasa Melaksanakan KPP

JADUAL V: POLA TABURAN ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI SEMASA PELAKSANAAN KPP

Bil	Tema	P1	P2	P3
1.	Penguasaan Ilmu Dan Kemahiran	X	–	X
2.	Bebanan Tugas Guru	X	X	X
3.	Kemudahan Infrastruktur	X	X	–
4.	Sokongan Pentadbir	–	–	X
	Jumlah	3	2	3

Penguasaan Ilmu dan Kemahiran

Berdasarkan dapatan kajian, pelaksanaan KPP ini kurang berkesan di sekolah kerana guru itu sendiri yang kurang menguasai ilmu dan kemahiran dalam pedagogi terkini. Di samping itu, kemahiran kepimpinan seorang pemimpin juga menjadi aspek utama bagi membimbing

guru-guru yang lain dalam menjalankan KPP. Hal ini digambarkan oleh peserta kajian satu dan tiga:

“...**kurang input tentang pedagogi** juga menjadi masalah kepada cikgu-cikgu kerana dia sebenarnya memberi impak besar kepada pelaksanaan PLC yang baik”.
(TB2/PK1/23.08.2023)

“...Dia **tidak mampu memberi contoh yang terbaik** kepada ahli panitia bawah bimbingan dia”.
(TB1/PK3/11.10.2023)

Bebanan Tugas Guru

Berdasarkan temu bual terhadap ketiga-tiga peserta kajian, didapati bebanan tugas guru telah menjadi cabaran utama untuk pelaksanaan KPP. Program-program yang banyak di sekolah serta penglibatan kursus-kursus anjuran luar sekolah menyebabkan pelaksanaan KPP berlaku dalam masa yang singkat. Hal ini disokong melalui dapatan kajian Saiful Adli dan rakan-rakan (2021), yang menyatakan bahawa beban tugas yang dipikul oleh guru serta aktiviti sekolah yang banyak menyukarkan program pembangunan profesionalisme. Ini dibuktikan berdasarkan petikan berikut:

“...**kekangan masa** tu selalu ada sebab banyak program-program lain, kelas lagi, jadi banyak benda nak fokus”.
(TB2/PK1/23.08.2023)

“...masalah yang membebankan kita **ni tugas-tugas lainlah**. Jadi PLC terpaksa ditunda sebab program yang ada tiba-tiba”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

Kemudahan Infrastruktur

Isu dan cabaran yang seterusnya ialah kemudahan infrastruktur iaitu pengkaji telah mendapati peserta kajian berhadapan dengan kekurangan kemudahan infrastruktur dari aspek tempat pelaksanaan dan kemudahan ICT seperti LCD dan Smart TV. Hal ini bertepatan dengan kajian Hapini Awang & Zahurin Mat Aji (2020), Malaysia boleh dianggap sebagai lebih ke depan berbanding negara-negara lain, namun masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki dari segi fasiliti asas ICT di sekolah. Dapatan dibuktikan melalui petikan berikut:

“...**infrastruktur ni selalunya kami akan berebut LCD dan tempat mesyuarat** lah.
(TB2/PK1/23.08.2023)

“...**kalau nak ada bilik kondusif ni susah la sikit**. Ni lah kekurangannya. Sebab kami tiada bilik mesyuarat. Kalau dulu kami buat mesyuarat kat kantin, ruang makan budak tu”.
(TB1/PK2/18.09.2023)

Sokongan Pentadbir

Menurut kajian Chong Chee Keong dan Zuraida Abdullah (2018) telah mendapati bahawa kepimpinan yang melibatkan sikap pemimpin akan mempengaruhi dan memotivasikan subordinat ke arah mencapai matlamat yang dikehendaki sekolah. Hal ini bertepatan dengan dapatan

kajian yang menegaskan kurangnya sokongan pentadbir akan menyebabkan guru-guru tidak bermotivasi. Hal ini digambarkan melalui petikan berikut:

“...kebanyakan program PLC nak buat **dia tak setuju**. Kiranya **tak ada sokongan** lah daripada pihak atasan jugak”.
(TB1/PK3/6.10.2023)

“... kalau pentadbir ni macam **tak ambik kesah** tak ambil tau sangat pun susah. Dia lepas tangan kat kita semua pun susah jugak. Sebab dia macam **tak bagi motivasi** dekat kita”.

(TB1/PK3/6.10.2023)

VI. KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak tertentu dalam menyedari kepentingan amalan KPP. Hal ini kerana, dapatan kajian menunjukkan masih lagi terdapat guru yang tidak berminat untuk melaksanakan KPP. Rentetan ini berlaku kerana ada guru yang belum lagi menguasai ilmu dan kemahiran yang sepatutnya dikongsi bersama menyebabkan rakan sekerja yang lain tidak bermotivasi dalam melaksanakan perubahan di sekolah. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan penting bagi menyelesaikan isu dan cabaran ini agar pelaksanaan KPP dapat dijalankan dengan baik.

Beberapa bentuk cadangan boleh dijadikan garis panduan kepada para pengkaji akan datang antaranya pengkaji lain boleh melaksanakan kajian pada awal tahun sesi persekolahan kerana pelaksanaan KPP yang telah ditetapkan dalam takwim belum lagi dilaksanakan. Selain itu, pengkaji boleh membesarkan skop kajian dengan meneliti 22 lagi alat kolaboratif KPP yang diperkenalkan oleh KPM. Seterusnya, menjalankan kajian dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan atau kajian secara mix method bagi mendapat gambaran yang lebih luas lagi tentang pelaksanaan KPP.

Kajian ini diharapkan dapat memberi implikasi kepada beberapa pihak terutamanya kepada pihak yang mempunyai bidang kuasa tertinggi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pentadbir sekolah dan GPI yang lain bagi mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan amalan KPP khususnya bagi GPI selain memperkukuhkan kepentingan pelaksanaan KPP di sekolah.

RUJUKAN

- Asmawati Mohammad Ali, Norizal Abdul Karim @ SAB, Anita Mohamed & Norihan Ismail. (2018). Aplikasi Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Aktif Dalam Subjek Kemahiran Dinamika Bagi Merealisasikan Pendidikan Abad ke-21. Jurnal Sains Humanika, Vol.10, No 3-2.
- Amal Harun & Norasmah Othman. (2021). Penilaian Program Komuniti Pembelajaran Profesional Pensyarah Kolej Matrikulasi Menggunakan Model Logik. Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 19 (Bil.2), 21-42.
- Ambiyar & D. (2019). Penilaian Program Komuniti

Pembelajaran Profesional Pensyarah Kolej Matrikulasi Menggunakan Model Logik. International Research Journal of Engineering IT & Scientific Research 5(3):1-13.

Amin Senin. (2018). Melangkah Ke Hadapan: Fokus & Gerak Kerja Profesional KPPM 2018. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Chong Chee Keong & Zuraida Abdullah (Julai 2018). Cabaran Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi Malaysia. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Vol. 6, No, 3, 1-14.

Dima M. & Abdul Rashid J. (Julai 2016). Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) Untuk Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Melayu Mengajar Penulisan Karangan. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil. 4, Isu 3, 1-10.

Fazlina Mohd. Sani. (2023). Menuju Komuniti Pembelajaran Profesional: Kajian Kes Di Institusi TVET Mara Di Malaysia. Educational Leader (Pemimpin Pendidikan) , 85-104

Grace, G., Baamphatlha, D. & Gaone, V. O. (2021). Improving Teaching and Learning Outcomes Through Professional Learning Communities- A Case of Business Education Subjects in Botswana. Innovare Journal Of Education, Vol 9, Issue 4, 2-6.

Hatnin Duari. (Jun 2022). Hubungan Antara Amalan Profesional Komuniti Pembelajaran (PLC) dan Efikasi Guru: Analisis Kuantitatif ke Atas Guru Sekolah Menengah di Malaysia. Jurnal Dunia Pendidikan Vol. 4, No. 2., 21-33.

Hapini Awang & Zahurin Mat Aji. (May 2020). kajian Hapini Awang & Erwanis Kamaruddin (2020), Malaysia boleh dianggap sebagai lebih ke depan berbanding negara-negara lain, namun masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki dari segi fasiliti asas ICT di sekolah. Journal of Educational Research & Indigenous Studies, 10-25.

Hord, S. M. (1997). Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement. Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory. Retrieved from September, 12, 2006 <http://www.sedl.org/pubs/change34/2.html>

Jooari Ariffin. (2018). Kompilasi Amalan Terbaik Pengurusan Perhubungan Luar. Unit Penerbitan Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia.

Katrini, Rabi'ah & Agus Diannor. (Mei 2023). Pola Komunikasi Guru dan Siswa.

Kamarul Azmi Jasmi, (2012). Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka. anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim. p. 1-33.

Majelan Sulong & Rusli Ahmad. (2020). Amalan Memberikan Maklum balas Prestasi dan Keberkesanannya dalam Kalangan Pegawai Penilai dan Pegawai Yang Dinilai Yang Berkhidmat di Sekolah Menengah. Journal of Human Development and Communication Volume 9, 57-66.

Maimun Aqsha Lubis. (Januari (2022)). Kepentingan

- Gamifikasi Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) Pendidikan Islam Volume 5(1). ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilizatio, 58-64.
- Merriam S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Jossey-Bass Publishers.*
- Muhammad Faizal A., & Crow, G. M. (2012), Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 10-27.
- Mutindi Ndunda. (2022). Investigating The Impact Of Professional Learning Community (PLC) Implementation On An Elementary School In Tanzania: A Collaborative Action Research Project. *European Journal of Education Studies*, Volume 9, Issue 5, 31-52
- Norisin Mohamad. (2021). Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian Dalam Komuniti Pembelajaran Profesional. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 39.
- Norisin Othman, Ahmad Zabidi & Mega Ahmad Kamaluddin. (2021). Amalan Pembelajaran Secara Kolektif Dan Pengaplikasian Dalam Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pengetua Cemerlang Sebagai
- Reichstetter R. (2006). Defining a professional learning community: A literature review. *Educ Adm Q.* 6(5).
- Saiful Adli Ab Rahim, Muhammad Faizal, Harris Shah Abd Hamid & Norhanida Samsudin. (April 2021). Cabaran Pelaksanaan Program Pembangunan Profesionalisme Pemimpin Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 25-40.
- Soh Teck Chau. (Januari 2023). Kepimpinan Guru Besar dan Pelaksanaan Program Transformasi Sekolah (TS25) DI Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan Bil. 10, Isu 1*, 41-54.
- Victor J. A. (2018). Hubungan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah. Retrieved from Researchgate; <https://www.researchgate.net/publication/329505566>.
- Wan, S., & Yan, W. (2020). Unpacking the Relationship Between Teachers' Perceptions of Professional Learning Communities and Differentiated Instruction Practice. *ECNU Review of Education*, 3(4), 694-714. <https://doi.org/10.1177/2096531120969988>.
- Yee Bee Choo. (Ogos, 2019). Penggunaan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam Perubahan Guru Melalui Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di Sekolah Rendah Malaysia. Retrieved from Researchgate; <https://www.researchgate.net/publication/338924023>;
- Zamri, N. M., Hamzah, M. I., & Surat, S. (2020). The Effectiveness of Islamic Education Through Professional Learning Community (PLC) Among Teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(3), 902-909.
- Zanaton H. I., Rabiatul A. M. A. & Sharifah S. J. (2021). Membina Pembangunan Insan melalui Komuniti Pembelajaran Profesional. *Jurnal Sains Insani Volume*

06 No 1, 105-112.